

SAYA PILIH JURUSANINI, SEBAB...

"Saya memilih jurusan Nautical Science kerana ingin menerokai dunia kelautan yang sememangnya dimonopoli lelaki sahaja. Keistimewaan bidang ini di UMT, pelajar berpeluang untuk menjalani pelayaran secara praktikal di Research Vessel - RV Discovery."

- Tan Chiew Sia, Jurusan Sains Nautika & Pengangkutan Maritim, UMT



"Saya memilih bidang Bahasa Arab dan Komunikasi disebabkan minat yang mendalam untuk mempelajari sesuatu berkaitan bahasa tersebut. Selain itu, ia juga memberi kelebihan kepada saya dalam memperkembangkan kemampuan untuk berkomunikasi dalam bahasa lain dan mampu bertutur pelbagai bahasa di samping dapat belajar dan mengetahui tentang budaya bangsa lain."

- Nurulaina Ishak, Fakulti Pengajian Bahasa Utama, Usim



"Saya mengambil jurusan bisnes kerana saya sendiri berasal dari keluarga yang berniaga karipap sejuk beku. Jadi, dari situ, saya dapat belajar macam mana untuk memperkembangkan bisnes famili saya ini. Alhamdulillah, ia berjaya dan berkembang dengan baiknya."

- Nurul Atikah Abdul Jamal, Kuliyyah Economics and Management Sciences, IIUM



"Saya memilih jurusan Pendidikan Seni Reka kerana minat dan cita-cita untuk menjadi pendidik. Apa yang menarik tentang bidang ini, saya diajar untuk menjadi seorang guru profesional khususnya dalam subjek seni. Seni itu pula luas dan indah malah, setiap orang sukaan keindahan namun berbeza persepsi. Sama juga dengan pendidikan. Masing-masing ada cara dan seninya."

- Nurul Izzati Abd Rashid, Ijazah Pendidikan (Seni Reka), Fakulti Pendidikan UiTM Kampus Puncak Alam



ntara minat, pengaruh dan masa depan, itu antara dilema yang lazimnya dihadapi dalam membuat keputusan jurusan atau bidang pilihan apabila memasuki institusi pengajian tinggi (IPT). Tapi, bagi siswi ini, mereka mempunyai pendapat masing-masing berkaitan bidang pilihan.

"Saya memilih bidang dakwah kerana jurusan ini mempunyai keunikan tersendiri. Saya berpendapat pengkhususan ini terbaik bagi pendakwah-pendakwah milenia. Selain kemahiran komunikasi, kemahiran kaunseling yang dipelajari sangat membantu terutama dalam mengenal manusia dari sudut antropologi dan sosiologi."

- Nurul Zafirah Zahid Maulana, Sarjana Muda Dakwah dan Pembangunan Insan, Akademi Pengajian Islam, UM



"Saya pilih bidang statistik sebab saya minat menganalisis graf terutama ketika buat laporan makmal masa masih asasi dulu. Bila dah ceburi jurusan ni, menariknya sebab melatih untuk menganalisis sesuatu data. Dalam semua bidang, selagi mana ada data, ilmu statistik dapat diperaktikkan."

- Siti Nor Syuhada Sohaimi, Ijazah Sarjana Muda Sains (Kepujian) Statistik, Jabatan Matematik, UPM




"Saya memilih jurusan ini kerana ia menyediakan satu laluan kepada pelajar yang ingin menyambung MBBS selepas itu. Jurusan ini menyediakan modul pembelajaran yang menarik seiring sistem pendidikan abad ke-21, dengan pendedahan menyeluruh berkaitan anatomi dan fisiologi."

- Muhammad Arshad Mohamed Ali, Fakulti Perubatan Antarabangsa, MSU Shah Alam



"Saya pilih MassComm sebab sangat sesuai dengan minat saya iaitu berkomunikasi dan juga menulis. Paling menarik tentang MassComm adalah, pelajar dapat mempelajari pelbagai bidang termasuklah penerbitan, kewartawanan, penyiaran serta perhubungan awam."

- Suria Kamilan, Fakulti Komunikasi dan Pengajian Media, UITM Shah Alam



reaksi